

PERPUSTAKAAN AWAM PASIR GUDANG

KERATAN AKHBAR BERKAITAN PASIR GUDANG

16 JANUARI 2019

RABU



AKHBAR


TAJUK BERITA

M/S

UTUSAN MALAYSIA

PENGERUSI PKR JOHOR BIDAS KERAJAAN PUSAT

2



UTUSAN MALAYSIA

UTUSAN MALAYSIA • RABU 16 JANUARI 2019

Bacul, dayus biarkan MB Johor `diserang' Singapura

Pengerusi PKR Johor bidas kerajaan Pusat

Oleh **ZULHISHAM ISAHAK**
 pengarang@utusan.com.my

■ JOHOR BAHRU 15 JAN.

PENGERUSI PKR Johor, Hassan Abdul Karim menyifatkan kerajaan Persekutuan bacul dan dayus kerana tidak bersuara apabila membiarkan Menteri Besar, Datuk Osman Sapian 'diserang' Singapura ekoran tindakan beliau yang didakwa menceroob perairan republik itu.

Ahli Parlimen Pasir Gudang itu sedih dan kesal apabila tiada pembelaan sewajarnya dan selayaknya dengan kedudukan Osman sebagai Menteri Besar.

Beliau melihat dengan teliti dan sedih Kerajaan Persekutuan sama ada Perdana Menteri, Menteri Luar atau Menteri Pertahanan termasuk timbalan-timbalan menteri di Putrajaya senyap dan memekakkan selain membusu dan berdiam diri.

"(Mereka) membenarkan Menteri-menteri Republik Singapura dalam Parlimen dan luar Parlimen termasuk Menteri Pertahanan Singapura

membelasah Menteri Besar Johor yang dituduhnya menceroob masuk ke perairan Singapura.

"Singapura membuli Menteri Besar Johor dan menjadikan Menteri Besar Johor sebagai kambing hitam dan *punching bag* manakala pemimpin-pemimpin di Putrajaya ambil sikap tidak peduli.

"Pemimpin-pemimpin kerajaan Johor juga ambil sikap membusu dan kelu seribu bahasa membiarkan Menteri Besar Johor mempertahankan diri seorang diri menghadapi tuduhan-tuduhan liar Singapura sedangkan beliau menjalankan tugasnya demi mempertahankan kedaulatan wilayah dan maruah negara dan negeri ini," katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Pejabat Kementerian Luar Singapura baru-baru ini mengumumkan hasrat menangkahkan Mesyuarat Tahunan Jawatankuasa Bersama Pering-



HASSAN ABDUL KARIM

kat Menteri Malaysia-Singapura untuk Iskandar Malaysia (JMCIM) yang dijadualkan berlangsung hari ini, susulan dakwaan pencebohan kapal dinaiki Osman ke perairan republik itu oleh sebuah portal berita negara jiran tersebut.

Sebelum itu Osman menegaskan, beliau tidak menceroob perairan Singapura, Rabu lalu sebaliknya mahu melawat kawasan perairan negeri ini dan itu merupakan haknya sebagai ketua kerajaan Johor.

Hassan berkata, pihaknya berhak menuntut jawapan dengan menimbulkan perkara itu kerana merupakan Ahli Parlimen dan Pengerusi PKR Johor yang menjadi sebahagian daripada tonggak kerajaan Pakatan Harapan di peringkat Pusat dan negeri.

Jelas beliau, perkara berkenaan akan suarakan dan dibangkitkan secara rasmi di Parlimen apabila persidangan bermula pada Mac ini.

